


Headline **Kaedah bioteknologi perkaya hasil hutan**
Date **12. Dec 2008**
Media Title **Berita Harian**
Section **Hip**
Circulation **192917**
Readership **1521000**

Language **MALAY**
Page No **17**
Article Size **424** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue **22135.88**



DR NOR Hasnida menunjukkan peralatan untuk mencambah tongkat ali.

Kaedah bioteknologi perkaya hasil hutan

SEJAK Polisi Biodiversiti Kebangsaan 1998 dan Polisi Bioteknologi Kebangsaan 2004 dikeluarkan, FRIM sudah menjadi satu agensi penting dalam menjalankan pelbagai kajian membabitkan kaedah bioteknologi terutama membabitkan tumbuhan hutan seperti spesies yang diancam kepupusan.

Pengarah Program Bioteknologi dan Farmaseutikal FRIM, Norwati Muhammad, berkata usaha menggunakan kaedah bioteknologi lebih tertumpu kepada pelan untuk menghasilkan kekayaan negara dengan memperkayakan hasil hutan.

"Apa yang menjadikan FRIM lebih dominan dan berkesan dalam kajian teknologi tumbuhan hutan ialah kerana kami mempunyai akses yang hampir dengan alam semula jadi itu untuk menggunakan semua aplikasi secara lebih efektif.

"Setakat ini, unit ini lebih memberikan tumpuan kepada empat aktiviti utama iaitu penghasilan genetik hutan terbaik, pengkajian terhadap biji benih, aplikasi teknologi kultur tisu dan penyelidikan farmaseutikal," katanya. FRIM turut menumpukan kepada usaha pemuliharaan hutan.

Beliau berkata, FRIM sedaya upaya meningkat dan memperbanyakkan



“Apa yang menjadikan FRIM lebih dominan dan berkesan dalam kajian teknologi tumbuhan hutan ialah kerana kami mempunyai akses yang hampir dengan alam semula jadi itu untuk menggunakan semua aplikasi secara lebih efektif”

Norwati Muhammad
Pengarah Program Bioteknologi dan Farmaseutikal FRIM

kajian untuk mengurangkan tekanan kepada sumber asli yang selama ini lebih menjadi fokus kebanyakan syarikat yang mengeluarkan produk berasaskan bahan dari hutan.

Katanya, unit itu juga berusaha mencipta pelbagai teknologi yang mampu menghasilkan produk untuk dikomersialkan bagi membantu pihak industri.

"Setakat ini, kami sudah berjaya mencipta teknologi yang berjaya dikomersialkan seperti kaedah yang membantu kajian mengenai forensik perhutanan.

"Kami menjalankan kajian menggunakan dana yang disuntik terus oleh kerajaan selain syarikat dan agensi luar negara yang turut sudi memberi sumber kewangan atas rasa minat terhadap hasil kajian yang FRIM jalankan," katanya.

Makmal bioteknologi di FRIM sudah dibina dan dimulakan operasinya sejak 1984 dan sehingga kini sudah menjadi teras utama dalam aktiviti penyelidikan di institut itu.

Setakat ini, dua makmal di unit itu sudah menerima status Bio-Nexus iaitu makmal kultur tisu dan genetik yang selama ini cemerlang menghasilkan pelbagai penemuan baru termasuk penghasilan banyak produk herba menggunakan kaedah bioteknologi dalam makmal.